



SELAMAT ULANG TAHUN PENUBUHAN BPR/SPRM YANG KE 53 TAHUN 1 OKTOBER 1967 - 1 OKTOBER 2020

BENGKEL OACP & CRM SEPANJANG OKTOBER 2020

BENGKEL OACP

1. FELCRA BERHAD
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH)
2. INVEST SELANGOR BERHAD
MAJLIS BANDARAYA MIRI, SARAWAK

3. PROGRAM CEO- KERAJAAN NEGERI KEDAH
4. PERRADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (M-IPO)

5. KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN & PERUMAHAN SARAWAK
6. PROGRAM CEO- SWASTA

BENGKEL CRM

7. BAITULMAL SARAWAK
8. PROGRAM CEO- EKSEKUTIF



Pada 15 Oktober 2020, Khamis, jam 10.00 pagi, Cawangan A, Bahagian Pemeriksaan & Perundingan telah mengadakan satu sesi Khidmat Nasihat Terhadap Amalan, Sistem Dan Tatacara Perolehan Perkhidmatan Penyiaran Pengiklanan Melalui Media Oleh Tourism Malaysia. Sesi tersebut telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 18, Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia. Ia dihadiri oleh Ketua Setiausaha MOTAC, Pengerusi Tourism Malaysia, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM dan pegawai-pegawai kanan dari MOTAC, Tourism Malaysia dan BPMP SPRM.



Pada 15 Oktober 2020 jam 2.30 petang, satu perbincangan Meja Bulat CISM IIM Bil. 1/2020 telah diadakan secara maya melalui aplikasi *google zoom* di Bilik Perbincangan Pengarah BPMP yang dihadiri oleh Pengarah BPMP KPKPJ Nazli Rasyid Hj Sulong, pegawai-pegawai Cawangan A iaitu Ketua Cawangan A PKPJ Zakiah Hassan, PPj Sarimah Sulaiman, dan PsK Zetty Zarina Saharudin. Mesyuarat ini diurussetiakan oleh IIM dan turut disertai oleh wakil-wakil TI Malaysia, Bursa Malaysia, SC, SSM dan GIACC.

Satu Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah: Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) & Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) telah diadakan pada 7 Oktober 2020 jam 10.00 pagi bertempat di Auditorium Ibu Pejabat SPRM Putrajaya. Taklimat yang diadakan secara berkala selama dua jam ini telah mengumpulkan seramai 40 orang peserta terdiri daripada Ketua Unit Integriti dan pegawai-pegawai dari pelbagai jabatan, badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta agensi awam dan swasta. Taklimat telah disampaikan oleh PPj Sarimah Binti Sulaiman dan diurussetiakan oleh Cawangan Pengurusan Rekod & Keurusetiaan (CPRK) BPMP.

